

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENYAMBUT HARI PERTUBUHAN
BANGSA-BANGSA BERSATU
PADA 24HB OCTOBER, 1966.

Hari ini Malaysia bersama dengan negara-negara lain di seluruh dunia menyambut Hari Bangsa-Bangsa Bersatu. Hari ini adalah hari yang bersejarah. Mengambil sempena hari ini Malaysia suka membaharui keyakinan dan kepercayaannya terhadap tujuan-tujuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Hari ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu genap umurnya 21 tahun. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang telah dewasa dan baligh. Sungguhpun ada kelemahan-kelemahan dalam Pertubuhan ini, tetapi semenjak ia ditubuhkan, keanggotaannya telah meningkat dari 51 ahli kepada 119 ahli yang terdiri daripada kebanyakan negara-negara di seluruh dunia.

Sungguhpun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mempunyai kelemahan-kelemahan, tetapi wajiblah kita semua menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini kerana hanya inilah sahaja satu Pertubuhan dunia yang anggota-anggotanya meliputi hampir-hampir semua bangsa dan negara. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini sangat mustahak dan amat penting sekali kepada Kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara kecil seperti negara kita Malaysia. Hanya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sahaja yang dapat menjamin kedaulatan dan kemerdekatan negara-negara kecil daripada diganggu oleh negara-negara yang besar dan buas.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan semua sedia maklum, saya baru sahaja pulang dari menghadiri Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. Saya telah mengetuai Perwakilan Malaysia ke Persidangan itu. Walaupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu mempunyai sempadan-sempadan dalam menjalankan tugas-tugasnya dan sentiasa mengalami banyak masalah-masalah yang rumit, saya sungguh tertarik hari kerana nampaknya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini mempunyai harapan yang

cemerlang bagi menjamin keamanan, dan persahabatan antara bangsa-bangsa di seluruh dunia.

Saya berpendapat demikian setelah melihat tentang harapan, kepercayaan dan keyakinan yang dicurahkan oleh negara-negara khususnya negeri-negeri kecil kepada Pertubuhan ini. Kita dan seluruh rakyat di dunia sentiasa mengenangkan jasa-jasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; jasa-jasa yang tidak akan dilupai oleh semua orang yang cinta keamanan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah dapat menyelamatkan dunia ini dari menjadi 'padang jarak padang tekukur' oleh sebab peperangan dan kerana kerja-kerja baik yang dijalankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu maka peperangan di Korea, peperangan di Terusan Suez, Congo, Pulau Cyprus dan Cuba, telah dapat diberhentikan dengan baik.

Malaysia berharap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak berapa lama lagi akan dapat menolong menyelesaikan atau menamatkan perang saudara di Vietnam seperti yang dibuatnya di Congo dan Terusan Suez dahulu.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah banyak memberi jasa kepada pembangunan dan keamanan dunia. Pada tahun 1964 Pertubuhan ini telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi merapatkan lagi kerja-kerja antara negara-negara dalam lapangan perniagaan dan perdagangan. Ini adalah satu keputusan yang penting yang telah diambil oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menimbulkan satu suasana yang boleh memberi kemakmuran kepada dunia dan keamanan yang kekal abadi.

Seluruh dunia pada hari ini berkehendakkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana inilah keyakinan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah satu dasar negara kita yang penting. Malaysia sentiasa menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan akan menjalankan apa yang patut untuk menjayakan Pertubuhan ini.

Tahun 1966, adalah tahun yang sangat bertuah bagi kita di-Malaysia kerana dalam tahun ini konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia telah tamat; perhubungan diplomatik antara Filipina, Pakistan dengan Malaysia telah pulih semula. Pemulihan perhubungan ini adalah sesuai dengan dasar kita yang mahu bersahabat erat

dengan semua negara-negara di dunia ini tidak kira apa corak pemerintahan mereka. Apa lagi kita ingin hidup berbaik-baik dan mesra dengan negara-negara jiran. Dasar Kerajaan Perikatan adalah sesuai dan sama dengan dasar-dasar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang sentiasa memetingkan persahabatan antara bangsa dan kerjasama antara negara-negara. Kita akan sentiasa memperkuatkan lagi perhubungan kita dengan negara-negara jiran dan negara-negara lain juga di seluruh dunia bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat di seluruh alam.

Kerana kita percaya penuh kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan cita-citanya maka sebab itulah Malaysia, bersama-sama dengan Thailand dan Filipina, telah menubuhkan satu pertubuhan Negara-Negara Tenggara Asia atau apa yang dikenal dengan nama 'ASA'. Pertubuhkan ASA sekarang telah dipulihkan semula apabila perhubungan Filipina dengan Malaysia telah bersambung semula dan ASA akan sedaya upayanya memberi dan menjamin kerjasama yang erat di antara tiga negara ini bagi faedah dan kesejahteraan hidup rakyat masing-masing. Kita berharap pada satu ketika nanti ASA akan disokong oleh negara-negara lain di Tenggara Asia ini walaupun mereka tidak menjadi anggota ASA terus. Kita suka melihat ASA menjadi Pertubuhan yang lebih besar daripada sekarang ini.

Sungguh bertuah sekali kerana pada hari ini juga sedang berlangsung di Kuala Lumpur satu Seminar Kemajuan Afro-Asia yang dianjurkan oleh Kerajaan kita. Saya mengucapkan selamat datang kepada wakil-wakil dari negara-negara Afro-Asia dan sangat-sangat berharap seminar ini akan memberi banyak faedah kepada persahabatan antara bangsa, perasaan baik sangka antara satu sama lain dan perasaan persefahaman dalam mencari jalan untuk mencapai kemajuan dan menghadapi masalah yang sama.

Saya yakin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari sehari kesehari akan terus menjadi satu Pertubuhan yang besar dan amat berguna kepada persahabatan antara bangsa dan bagi menjaga keamanan dan keselamatan seluruh dunia. Dengan harapan ini, marilah kita semua berdoa moga-moga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan hidup kekal abadi menjaga keselamatan dan keamanan dunia. Marilah kita bersama-sama pada hari yang bertuah ini membaharui azam dan keyakinan kita kepada Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu dan kepada cita-citanya hendak menjamin kebebasan untuk semua manusia bagi melahirkan satu masyarakat yang adil; satu masyarakat di mana semua rakyat mendapat kesejahteraan hidup dan mempunyai kemudahan-kemudahan ekonomi, sosial dan hidup aman dan damai dalam kemerdekaan.

Terima kasih.